

## KHUTBAH JUMAAT

### “PERSIAPAN MENGHADAPI CABARAN MASA DEPAN” (15 November 2024M/ 13 Jamadilawal 1446H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا،  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ  
لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat dengan berbual-bual, menggunakan telefon dan sebagainya. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Persiapan Hadapi Cabaran Masa Depan**”.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Ketahuilah bahawa kehidupan di dunia ini penuh dengan ujian dan pancaroba. Kita perlu mempersiapkan diri dengan **ilmu** pengetahuan dan **kemahiran** yang secukupnya, serta memperkukuhkan **perpaduan** dan **kerjasama** dalam masyarakat. Semoga dengannya, Allah *subhanahu wata'ala* mengabulkan hasrat murni kita untuk menjadi masyarakat Islam yang gemilang (*khaira ummah*) serta menjadi sumber inspirasi yang positif buat semua.

Mempersiapkan diri dan masyarakat untuk menghadapi keadaan pada masa hadapan, memerlukan kita berfikir dan bertanya kepada diri sendiri sama ada kejayaan yang dicapai kini mampu membina sifat berdaya tahan dan berdaya saing dalam kalangan masyarakat kita.

Daya tahan dan daya saing ini amat penting bagi kita ketika berhadapan dengan cabaran-cabaran baru, dari dua sudut yang berbeza iaitu cabaran yang berkaitan dengan kehidupan beragama, dan cabaran kehidupan yang dipengaruhi perkembangan dunia yang begitu pesat.

Hakikatnya, sebagai Muslim kita perlu berpandangan jauh dan berfikiran luas. Dengan berbekalkan **ilmu**, **kemahiran**, dan kefahaman yang betul terhadap prinsip kehidupan dan agama, kita akan lebih bersedia untuk membuat perancangan yang baik dalam menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan. Marilah kita hayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hasyr, ayat 18:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۗ  
إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ (١٨)

**Maksudnya:** *Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.*

Berdasarkan ayat yang dibacakan tadi, sebagai seorang Muslim, kita bukan sahaja diminta membuat persiapan untuk kehidupan akhirat, malah kita bertanggungjawab mempersiapkan diri bagi kehidupan masa depan di atas bumi Allah ini.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Terdapat sekurang-kurangnya dua aspek penting yang perlu diusahakan dalam mempersiapkan dan membina masyarakat masa depan yang berjaya dan cemerlang.

### **Pertama: Meningkatkan ilmu dan kemahiran.**

Islam amat mengambilberat berkaitan **ilmu** pengetahuan dan pendidikan. Hal ini jelas melalui wahyu pertama yang diturunkan ke atas baginda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* adalah perintah membaca (dengan ungkapan *iqra'*). Bahkan Baginda *sallallahu alaihi wasallam* sendiri pernah bersabda :

(( مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا رِضًا لِطَالِبِ الْعِلْمِ، وَإِنَّ طَالِبَ الْعِلْمِ يَسْتَغْفِرُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ حَتَّى الْحِيتَانِ فِي الْمَاءِ، وَإِنَّ فَضْلَ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِ الْقَمَرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ، إِنَّ الْعُلَمَاءَ هُمْ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، إِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورِثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا، إِنَّمَا وَرِثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِطِّ وَافِرٍ ))

**Maksudnya:** Sesiapa yang menempuh suatu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan mempermudah baginya jalan menuju ke syurga. Para Malaikat akan membentangkan sayapnya (merendah diri sebagai memuliakannya dan cintakan ilmu) dan kerana reda kepada penuntut ilmu. Dan seorang penuntut ilmu akan dimintakan keampunan baginya oleh penghuni langit dan bumi hingga ikan yang ada di air. Sesungguhnya, keutamaan seorang yang berilmu (alim) dibandingkan dengan seorang ahli ibadah (abid) adalah ibarat bulan purnama atas semua bintang. Sesungguhnya, para ulama adalah pewaris para Nabi, dan para Nabi tidak mewariskan dinar mahupun dirham, tetapi mereka mewariskan ilmu. Sesiapa mengambilnya, maka dia telah mengambil bahagian yang sempurna.

(Hadis riwayat Imam Ibn Majah)

Atas dasar seruan dan semangat inilah, kita perlu terus memperkukuhkan penguasaan kita terhadap pelbagai cabang ilmu. Penguasaan yang mantap terhadap ilmu agama yang meliputi

aqidah, fikah dan tasawwuf, dengan kefahaman yang betul selari dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, akan memperkukuh dan memastikan daya tahan masyarakat untuk berhadapan dengan pengaruh pemikiran dan amalan yang ekstrem dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Selain itu, kita juga perlu menguasai kemahiran dan kefahaman yang betul terhadap isu-isu dan perkembangan semasa dunia sama ada yang berkaitan dengan bidang ekonomi, teknologi, pemanasan global, penjagaan alam sekitar dan sebagainya.

Dengan penguasaan dua bidang ilmu dan kemahiran ini (ukhrawi dan duniawi), kita tentunya akan lebih bersedia untuk bersaing dan memberi penyelesaian terhadap pelbagai permasalahan masa kini dan akan datang dengan pendekatan yang lebih seimbang dari lensa syariah.

Dengan penguasaan **ilmu** dan **kemahiran** juga, kita bukan hanya menjadi masyarakat pengguna, malah akan menjadi masyarakat yang membangun dan menyumbang kepada kemajuan, sekaligus menjadi inspirasi buat semua. Ia juga akan kelihatan lebih indah apabila ia didasari oleh nilai-nilai yang mencerminkan prinsip-prinsip Islam.

**Aspek kedua pula ialah: Mengukuhkan perpaduan dan kerjasama antara anggota masyarakat.**

Selain menitikberatkan **ilmu** pengetahuan, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* juga menekankan kepentingan menjalinkan hubungan baik dengan segenap lapisan masyarakat. Hal ini jelas

terpapar sepanjang perjalanan hidup dan dakwah baginda *sallallahu alaihi wasallam* di Makkah dan Madinah. Baginda *sallallahu alaihi wasallam* amat menyedari betapa kemakmuran kehidupan manusia tidak akan terjamin tanpa **perpaduan** dan keharmonian hidup di antara anggota masyarakat secara keseluruhannya.

**Perpaduan** yang didasari keikhlasan dan nilai-nilai kemanusiaan dan agamalah yang akan berjaya menjalin **kerjasama** yang kukuh dan berkesan dalam menghasilkan manfaat dan kebaikan buat semua. Kita sebagai umat Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* sudah tentu merupakan masyarakat yang paling patut mendahului inisiatif ini dan menjadi contoh buat yang lain.

Sesuai dengan teladan yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*, kejayaan dan kemakmuran akan berada jauh dari dakapan jika kita hanya mementingkan diri sendiri. Oleh itu, tingkatkanlah **ilmu** dan **kemahiran**, kukuhkanlah **perpaduan**, dan berilah sumbangan, supaya bantuan Allah *subhanahu wata'ala* sentiasa mendampingi setiap langkah yang kita usahakan.

### **Kaum muslimin yang berbahagia,**

Mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, iaitu:

**Pertama:** Umat Islam perlu dipersiapkan dengan daya tahan dan daya saing yang ampuh bagi berhadapan dengan cabaran-cabaran baru.

**Kedua:** Umat Islam hendaklah mempersiapkan diri dengan ilmu, kemahiran, dan kefahaman yang betul terhadap prinsip kehidupan

dan agama agar lebih bersedia untuk membuat perancangan yang baik dalam menghadapi cabaran semasa dan akan datang.

**Ketiga:** Umat Islam hendaklah menjaga dan memperkukuhkan perpaduan kerana kemakmuran kehidupan manusia tidak akan terjamin tanpa perpaduan dan keharmonian hidup di antara anggota masyarakat.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Aali Imran, ayat 139:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزِنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ (١٣٩)

**Maksudnya:** *Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam), dan janganlah kamu berdukacita (terhadap apa yang akan menimpa kamu), padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang yang (sungguh-sungguh) beriman.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah dan berusaha memperbaiki keikhlasan dalam setiap amalan kita. Sesungguhnya keikhlasan adalah intipati kepada semua ibadah yang kita laksanakan. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyak berselawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* sebagaimana perintah Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam ibadah dan akhlak serta khususnya Aqidah bermanhaj Asya'irah Maturidiyyah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.